

China rancang reformasi sektor pertanian

Langkah pacu pertumbuhan, imbangi cabaran dagangan

Beijing

China akan melaksanakan pembaharuan dalam sektor pertaniannya untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi di kawasan pedalaman, kata kerajaan republik itu dalam kenyataan dasar pertamanya bagi 2019.

Dalam kenyataannya, Beijing berkata langkah itu diambil bertujuan memacu pertumbuhan dan mengimbangi cabaran dagangan.

Dasar itu dibuat selepas ekonomi kedua terbesar dunia itu mencatat pertumbuhan paling lemah dalam tempoh 28 tahun pada 2018 dan ia masih bergelut dalam perang dagangan dengan Amerika Syarikat (AS).

"Di bawah situasi sukar seperti ekonomi yang merosot dan perubahan mendalam dalam persekitaran luaran, adalah penting untuk kita terus menjalankan kerja yang baik dalam sektor pertanian dan di kawasan pedalaman," kata kerajaan China dalam dokumen yang dikeluarkan oleh Lembaga Negeri dan diterbitkan oleh agensi berita rasmi, Xinhua.

Dasar yang dikenali sebagai 'Dokumen Nombor Satu' itu turut mengulangi strategi pembaharuan yang dibentangkan buat pertama kalinya pada 2017 untuk mening-



[FOTO HIASAN]

China memperbaharui struktur tanaman sejak beberapa tahun kebelakangan ini dengan mengurangkan sokongan kepada jagung selepas berhadapan lebih bekalan.

katkan paras pendapatan dan standard gaya hidup di kawasan pedalaman China.

Ia turut mengetengahkan rancangan untuk melonjakkan pengeluaran kacang soya, tetapi tiada sebarang maklumat lanjut diberikan.

Perbaharui struktur tanaman

Penganalisis industri berkata, meraka teruja menantikan maklumat lanjut untuk menilai impact plan berkenaan yang dilancarkan oleh Menteri Pertanian, Han Changfu pada awal bulan ini.

China memperbaharui struktur tanamannya sejak beberapa tahun kebelakangan ini dengan mengurangkan sokongan kepada jagung selepas berhadapan lebih beka-

lan dan negara itu juga mencari jalan untuk mempromosikan tanaman minyak bijirin.

Sasaran itu menjadi semakin penting sejak perang dagang dengan AS yang menyaksikan China mengenakan cukai ke atas import kacang soya dan mengetatkan bekalan domestik.

Sebelum ini, Han mengesakan pihak berkuasa di utara China untuk menyokong pengeluaran kacang soya menerusi subsidi dan meneru penggiliran dilakukan untuk kacang soya dengan tanaman lain termasuklah jagung dan gandum.

Menurut dokumen berkenaan, Beijing juga menyasar untuk menyokong pengeluaran 'rapeseed' di Yangtze River Basin.

Pada tahun-tahun sebelum ini,

ia juga mengesakan penghasilan bijirin yang stabil selain peningkatan dalam import produk pertanian kerana ia mempunyai kekurangan dalam pasaran domestik.

"Fokus kini adalah untuk mengemukakan kapasiti pengeluaran dalam bentuk tanah ladang yang berkualiti tinggi dan penggunaan pasaran antarabangsa untuk mengimbangi kekurangan pengeluaran," kata Penganalisis Pertanian di China Policy, Even Rogers.

"Rujukan untuk import adalah positif bagi rakan dagangan seperti AS kerana ia meningkatkan kemungkinan bahawa China akan membeli lebih banyak produk pertanian AS," kata Penganalisis di Shanghai JC Intelligence Co. Ltd, Cherry Zhang.

REUTERS